

D393

U B340 DEB  
MAHATHIR - PILIHAN RAYA R R R

(I)

KUALA LUMPUR, 21 APRIL (BERNAMA) -- DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD HARI INI SEKALI LAGI MENGELAKKAN SOALAN MENGENAI BILA PILIHAN RAYA UMUM AKAN DIADAKAN.

+ SETIAP ORANG BOLEH MERAMALKAN TARIKH PILIHAN RAYA. KITA TIDAK DAPAT MENGHALANG SPEKULASI DAN TIDAK ADA APA-APA YANG HENDAK SAYA TAMBAH,+ KATANYA APABILA DITANYA OLEH PARA PEMBERITA MENGENAI PENGUMUMAN TARIKH PILIHAN RAYA.

MENGENAI KENYATAAN OLEH ENCIK RAHIM BAKAR, SEORANG ANGGOTA MAJLIS TERTINGGI UMNO BAHAWA PERDANA MENTERI DIJANGKA MENGUMUMKAN PEMBUBARAN PARLIMEN MENJELANG ESOK (SELASA), DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA ENCIK RAHIM BEBAS MEMBUAT ULASAN.

ENCIK RAHIM, YANG JUGA TIMBALAN MENTERI TENAGA, TELEKOM DAN POS PADA SABTU LALU BERKATA BAHAWA JIKA DATUK SERI DR MAHATHIR TIDAK MENGUMUMKAN PEMBUBARAN PARLIMEN MENJELANG ESOK, BARISAN NASIONAL AKAN MENUNGGU SEHINGGA BERAKHIR TEMPONNYA PADA TAHUN DEPAN UNTUK MENGADAKAN PILIHAN RAYA UMUM.

PERDANA MENTERI JUGA BERKATA BELIAU TIDAK DIBERITAHU MENGENAI ROMBONGAN YANG AKAN DIHANTAR KE SABAH UNTUK MEMBANTU BERJAYA BERKEMPER MENJELANG PILIHAN RAYA NEGERI PADA 5 DAN 6 MEI INI. -- LAGI.

1211MST 21 04 86

D395

U B343 DEB  
MAHATHIR - PILIHAN RAYA 2 KUALA LUMPUR R R R

(I)

+SAYA TIDAK TAHU MENGENAI ROMBONGAN ITU. ENCIK GHAFAR BABA (SETIAUSAHA AGUNG BARISAN NASIONAL) MUNGKIN TAHU,+ TAMBAHNYA.

MENGENAI UCAPANNYA SEMASA MERASMIKAN SEMINAR MENGENAI BARANGAN UTAMA DI SINI, DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA SETIAP ORANG MESTI BERKORBAN SEMASA KEADAAN KEMELESETAN EKONOMI SEKARANG.

BELIAU MENOLAK BAHAWA UCAPANNYA ITU DITUJUKAN KHUSUS KEPADA KAKITANGAN KERAJAAN.

+SETIAP ORANG MESTI BELAJAR UNTUK BERKORBAN, BEKERJA LEBIH TEKUN, LEBIH PRODUKTIF DAN KURANG MEMBUAT TUNTUTAN KERANA KITA TIDAK ADA APA-APA YANG HENDAK DIBERIKAN,+ KATANYA. -- BERNAMA.

1214MST 21 04 86